

# **AL-HIKMAH**

---

**Jilid            13            ISSN 1985-6822            2021**  
**No.            1                       1443**

---

- NILAI-NILAI MURNI DALAM KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH MUALIM ...3-20  
*Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham & Ummu Maisaroh Budiyono*
- PENDEKATAN ZIKIR AL-MUNFARID DALAM MENANGANI TEKANAN KETIKA PANDEMIK COVID-19 ...21-42  
*Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Norhana Ahad, Khairul Azhar Meerangani, Mohd Farhan Md Ariffin & Izzah Nur Aida Zur Raffar*
- PERANAN GURU PENGAJIAN TURATH DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR DI PONDOK ...43-71  
*Nazneen Ismail, Norhana Ahad, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin*
- FAKTOR PERSEKITARAN SOSIAL DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI HAMKA (1908-1981) MENURUT AUTOBIOGRAFI KENANG-KENANGAN HIDUP (1951)...72-96  
*Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah*

## Nilai-Nilai Murni dalam Kepimpinan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Daerah Mualim

Good Values in Leadership Teaching of Islamic Education Teacher in  
Mualim District Secondary School

\*MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM  
ABD HADI BORHAM  
UMMU MAISAROH BUDIYONO

### ABSTRAK

Islam adalah agama yang berteraskan kepada ilmu pengetahuan dan nilai murni seperti yang diwahyukan di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Pendidikan dalam Islam adalah untuk membentuk insan yang seimbang di antara ilmu dan nilai (adab). Kertas ini bertujuan meninjau aspek kepimpinan pengajaran Guru Pendidikan Islam (GPI) berdasarkan nilai-nilai murni Islam dan penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah di Daerah Mualim dari persepsi responden. Bagi mendapatkan maklumat, satu kajian telah dijalankan di dua buah sekolah menengah Daerah Mualim Perak. Data diperoleh melalui instrumen soal selidik yang diedarkan kepada pelajar di sekolah-sekolah tersebut. Sampel kajian ialah sebanyak 172 orang pelajar yang telah memberi maklum balas kepada soal selidik yang diedarkan. Seterusnya data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 23.00. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan kepimpinan pengajaran GPI berada pada tahap yang tinggi ( $\text{min}=4.38$ ,  $s.p=0.51$ ), begitu juga penguasaan pelajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam turut berada pada tahap yang tinggi ( $\text{min}=4.10$ ,  $s.p= 0.47$ ). Di samping itu dapatan menunjukkan kepimpinan pengajaran GPI mempunyai hubungan yang signifikan sebanyak (53%) dengan penguasaan mata pelajaran pendidikan Islam. Implikasi kajian merumuskan amalan kepimpinan pengajaran berteraskan nilai-nilai murni Islam oleh GPI merupakan salah satu faktor yang boleh meningkatkan penguasaan mata pelajaran pendidikan Islam pelajar.

**Kata kunci:** *Nilai Murni, Kepimpinan Pengajaran, Guru Pendidikan Islam, Pencapaian Pelajar*

## ABSTRACT

Islam is a religion based on knowledge and good values, as revealed in Quran and Sunnah. Islam form and education to balance human being between knowledge and values (manners). This paper aims to discuss the teaching leadership of Islamic Education Teachers (IET) based on Islamic values in secondary schools in the Mualim district. This study has conducted at two secondary schools in Perak. The data obtained through questionnaire instruments distributed to students in these schools. The study sample was 172 students who had responded to the questionnaire distributed. Thus, the data analyzed descriptively and in inference using (SPSS) version 23.00. The study's findings show that overall GPI Islamic teaching leadership is at a high level (mean= 4.38, sd=0.51), as well as student achievement in Islamic education subjects is also at a high level (mean=4.10, sd= 0.47). In addition, the findings show that the Islamic teaching leadership of Islamic education teachers has a significant relationship of (53%) with the achievement of Islamic education subjects. The study's implications formulate the appropriate use of Islamic teaching leadership by GPI is one of the factors that determine the achievement of Islamic education subjects of students.

**Keywords:** *Good Values, Teaching Leadership, Islamic Education Teachers, Student Achievement.*

## PENDAHULUAN

Sekolah-sekolah di Malaysia merupakan agen pembentukan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) secara tersurat memberi penumpuan terhadap dasar pendidikan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Saharia 2015). Nilai murni akhlak dan moral merupakan tunjang kepada tercapainya matlamat melahirkan insan seimbang seperti yang digariskan oleh FPK. Dalam konteks sekolah, guru amat berperanan dalam merealisasikan FPK. Oleh yang demikian pembentukan nilai-nilai murni boleh dilakukan oleh guru bermula daripada contoh teladan dan kepimpinan yang ditunjukkan kepada pelajar di sekolah. Kepimpinan guru memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan modal insan daripada institusi pendidikan (Printy & Liu 2020). Hubungan antara kepimpinan dengan ilmu pengetahuan dapat menggalakkan lahirnya budaya ilmu.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru perlu memainkan peranan masing-masing untuk menterjemahkan diri mereka sebagai pemimpin pengajaran di sekolah agar dapat menjalankan fungsi kepimpinan pengajaran secara maksimum bagi meningkatkan penguasaan pelajar (Usman et al. 2017). Kepimpinan yang berkualiti adalah penting untuk

diaplikasikan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya mengembangkan dan meningkatkan potensi dan penguasaan pelajar. Guru perlu bijak untuk menterjemahkan diri mereka sebagai pemimpin pengajaran di sekolah agar mereka boleh berfungsi dengan berkesan khususnya dalam meningkatkan pencapaian akademik para pelajar (Razaleigh, Marlon & Abu Hamdi 2019).

Sebagai seorang guru agama, tanggungjawab memimpin tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna jika tidak mengorientasikan kepimpinannya berdasarkan kepada Islam sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW (Ahmad Sukari & Mohd Nizam, 2014). Berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam, peranan dan tanggungjawab Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam memimpin dengan nilai-nilai baik merupakan tanggungjawab besar selain menyampaikan ilmu seperti firman Allah di dalam surah al-Jumuah ayat 2:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَمِ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتَلَوُ عَلَيْهِمْ آياتِهِ وَرُزَقَهُمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ  
وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ (٢)

Bermaksud: *Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.*

Guru Pendidikan Islam berperanan sebagai pemimpin dalam mendidik dan melahirkan para pelajar yang mempunyai penghayatan yang tinggi dalam agama. Bukan itu sahaja, tugas GPI tidak terhad untuk menyampaikan ilmu berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah sahaja, bahkan mereka juga memainkan peranan penting untuk menjadi pemimpin yang mempunyai keperibadian sebagai mualim, muaddib, mursyid dan murabbi yang ikhlas dan sabar dalam menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam diri pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran (Ab Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010).

Kesimpulannya, kepimpinan pengajaran guru adalah merupakan salah satu dari fungsi guru di dalam Islam iaitu sebagai mursyid. Kepimpinan pengajaran guru ini perlu berteraskan nilai-nilai murni Islam agar memberi impak positif kepada pembelajaran pelajar terutamanya apabila melibatkan mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini adalah Islam

bukanlah retorik tetapi menggabungkan ilmu dan amal (al-Quran, Surah Al-Saf; 61:2). Justeru kajian serta penyelidikan daripada para sarjana bagi menilai dan memperbaiki serta memperkemas kepimpinan pengajaran guru amat diperlukan agar matlamat pendidikan Islam yang digariskan dapat dicapai. Objektif artikel ini ialah untuk mengenal pasti amalan kepimpinan pengajaran GPI yang berteraskan beberapa nilai murni di dalam Islam dan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

## KEPENTINGAN KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU

Kepimpinan merupakan tingkah laku seseorang individu yang mengarahkan orang yang dipimpin ke arah matlamat yang disepakati. Conger (2013) menyatakan kepimpinan sebagai satu kelakuan yang positif, mempengaruhi orang bawahan untuk mencapai sesuatu objektif dan sasaran organisasi, membina komunikasi yang baik dalam organisasi dan memiliki kuasa untuk memimpin. Dalam mewujudkan pendidikan berkualiti, peranan kepimpinan pendidikan dari pelbagai peringkat di sekolah memainkan peranan yang sangat penting. Ab Halim dan Khadijah (2003) menjelaskan masyarakat hari ini yakin akan keupayaan guru terutamanya GPI dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Dalam hal ini, GPI perlu memainkan peranan masing-masing sebagai pemimpin bilik darjah dalam usaha melahirkan generasi yang cemerlang dari segi sahsiah dan akhlak pelajar. Justeru, guru-guru perlu menerapkan nilai-nilai murni Islam agar dapat diselaraskan dengan kandungan pembelajaran mata pelajaran pendidikan Islam itu sendiri (Rosnijah & A'dawiyah 2019). Kepimpinan guru terhadap pendekatan pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mampu memberi impak kepada penguasaan akademik dan pembentukan akhlak pelajar di sekolah (Norashikin, Ramli & Foo 2015).

Berdasarkan perspektif Islam, kepimpinan hendaklah berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan utama. Kepimpinan juga seharusnya mempunyai peranan bitara iaitu membimbang orang lain ke arah falah (kebaikan) di dunia dan akhirat (Fathiah 2005) yang bersumberkan kepada Al-Quran, Al-Sunnah dan Sirah Nabawiyah. Menurut Ibnu Taimiyyah (1971) kepimpinan perlu mencakupi prinsip akidah, keadilan, syura, ihsan, pembinaan insan, amal jamaie dan syariat Islam. Ia bertujuan untuk mencapai matlamat dan objektif sesebuah organisasi yang selari dengan kehendak syarak. Hal ini menunjukkan kepimpinan Islam hendaklah berkait rapat tanggungjawab agama terhadap Allah SWT dan manusia yang dipimpin (Nor Anisah & Razaleigh 2017).

Namun begitu, isu kepimpinan pengajaran guru masih dianggap baharu dan kurang mendapat perhatian di Malaysia (Norashikin, Ramli &

Foo 2015) kerana amalan kepimpinan pengajaran guru adalah sangat terhad dan sukar untuk direalisasikan. Dalam hal ini, kurangnya pengetahuan guru-guru mengenai kepimpinan pengajaran dapat menjelaskan penguasaan pelajar dan secara tidak langsung membantutkan usaha membentuk insan seimbang sebagaimana yang tersurat dalam FPK. Kamarul Azmi (2010) menyatakan masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan sekolah dalam jangka masa yang panjang untuk meningkatkan pencapaian sekolah ke arah kecemerlangan adalah kurangnya peranan kepimpinan pengajaran daripada pemimpin sekolah. Oleh itu, kepimpinan pengajaran yang efektif dalam kalangan guru dapat meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar dalam bidang akademik dan mengurangkan jurang pencapaian dalam kalangan pelajar (Young et al. 2007). Guru perlu memainkan peranan kepimpinan masing-masing ketika proses pengajaran dan pembelajaran untuk mempengaruhi pelajar agar objektif pembelajaran yang telah dirancang dapat dicapai.

Sekalipun negara kita telah menysarkan begitu lama di dalam FPK bagi melahirkan insan seimbang, namun terdapat beberapa kajian lepas mendapati matlamat ini masih belum dicapai sepenuhnya apabila dari sudut inteleknya penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam masih berada pada tahap yang sederhana di samping kes-kes keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar semakin meruncing telah dilaporkan. Kajian Mohd Syaubari & Ahmad Yunus (2017) menunjukkan pelajar dalam kategori sederhana dan lemah penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam adalah sebanyak 83% daripada jumlah pelajar yang dikaji (432) orang dan hanya 17% pelajar dikategorikan sebagai pelajar cemerlang dalam Pendidikan Islam. Hal ini dikatakan berpunca dari kelemahan dalam pengajaran yang membawa kepada pencapaian yang rendah pelajar dalam pendidikan Islam (Siti Faizah 2019). Di samping itu menurut Nik Azis dan Roshara' Madin (2015) pemahaman pelajar yang lemah dalam Pendidikan Islam dan kesan daripada anasir-anasir tidak sihat akan membawa kepincangan dan kehancuran diri individu, keluarga, dan masyarakat yang seterusnya dipenuhi dengan segala penyakit zahir dan batin. Kesannya berlaku peningkatan jenayah sosial berleluasa, kerenggangan hubungan silaturahim, dan hancurnya moral serta adab sopan sesebuah masyarakat (Qaradhawi, 2003).


## NILAI-NILAI MURNI ISLAM DALAM KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU

Menurut Sofiah, Kamarul Azmi & Muhammad Azhar (2016) nilai-nilai murni yang diamalkan dalam kepimpinan pengajaran GPI sangat penting dalam memberikan kefahaman dan penghayatan agama pelajar di sekolah.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat beberapa pengkaji yang telah mengemukakan nilai-nilai murni Islam dalam kepimpinan guru berasaskan Al-Quran dan Sunah iaitu kajian Nik Mutasim et al. (2013), Mohamed Sulaiman, et al. (2014), Ahmad Rafiki & Kalsom (2014), Zafar Saleem et al. (2016) dan Saroyono (2016). Di antara nilai-nilai murni Islam dalam kepimpinan pengajaran guru adalah seperti berikut:

- a) Nilai keimanan kepada nas al-Quran dan al-Sunnah (Surah al-Baqarah 2: 4; Surah al-Imran 2: 31)
- b) Nilai ketaatan kepada guru (Surah al-Kahf 18:70)
- c) Nilai komunikasi (Surah al-Nisa 4; 9, Surah al-Isra 28, Surah al-Ahzab 70)
- d) Nilai ganjaran pahala (Surah al-Baqarah 2:25)
- e) Nilai kreativiti (surah al-Ra'd 13:42)
- f) Nilai qudwah hasanah atau ikutan baik (Surah al-Imran 3:110)
- g) Nilai kejujuran ilmu (surah al- Imran 3:187)
- h) Nilai musyawarah atau keterbukaan dalam pandangan (Surah al-Imran 2:159, surah al-Syura 42:38)
- i) Nilai musyarakah atau penglibatan dan kerjasama (surah al-Maidah 5:2)

Kefahaman dan penghayatan terhadap nilai-nilai tersebut boleh memberikan kesan positif dalam kepimpinan organisasi (Zafar Saleem et al. 2016). Walaupun aspek nilai kepimpinan banyak dibincangkan dalam pembangunan organisasi, namun ia juga memberikan kesan yang besar terhadap pengajaran guru dan pembelajaran pelajar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Kepimpinan Pengajaran GPI

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif dan inferensi. Soal selidik yang digunakan telah diubah suai daripada kajian lepas yang mengandungi item-item yang mengukur kepimpinan pengajaran GPI serta penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Skala Likert lima mata digunakan dalam soal selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada responden terhadap pelaksanaan kajian ini.

Daerah Mualim diisytiharkan pada 2016 sebagai daerah baharu meliputi tiga mukim iaitu Slim, Ulu Bernam Barat dan Ulu Bernam Timur (Bernama 2016). Pengkaji telah memilih dua buah sekolah menengah harian secara rawak dari daerah Mualim. Populasi pelajar yang terlibat daripada tingkatan satu, tingkatan dua dan tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran pendidikan Islam ialah seramai 295 orang. Sekolah ini dipilih berasaskan kepada demografi yang berbeza iaitu sebuah sekolah baharu iaitu kurang 10 tahun beroperasi dan sekolah yang melebihi 10 tahun operasi. Dua buah sekolah ini juga merupakan sekolah harian yang mempunyai populasi terbanyak pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam di daerah Mualim. Sampel kajian dipilih secara rawak mudah iaitu sejumlah 172 orang pelajar daripada sekolah yang dikaji. Justeru, pemilihan sampel ini dilakukan kerana mewakili semua ciri yang sama dan mencukupi untuk saiz sampel daripada keseluruhan populasi yang diperlukan menurut penentuan sampel kajian Krejcie & Morgan (1970). Berdasarkan jadual Krejcie & Morgan, bilangan sampel yang diperlukan adalah lebih kurang seramai 169 orang kerana jumlah populasi kajian menghampiri 300 orang. Taburan sampel kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Taburan sampel kajian mengikut Jenis Sekolah, Jantina dan Tingkatan

Jenis sekolah	Jantina		Tingkatan		
	Lelaki	Perempuan	Satu	Dua	Empat
SMK SLIM	25	60	22	40	23
SMK BEHRANG 2020	22	65	27	36	24
	47	125	49	76	47
Jumlah		172		172	

Bagi menentukan kesahan dalaman, soal selidik yang dibina telah dirujuk kepada beberapa orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang masing-masing yang terdiri daripada kepakaran dalam bidang pendidikan Islam dan penyelidikan. Sementara itu kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai alpha Cronbach 0.94. Menurut Chua (2003) kebanyakan pengkaji menganggap nilai alpha yang melebihi 0.80 mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai instrumen kajian.

## HASIL KAJIAN

### Nilai-Nilai Murni dalam Kepimpinan Pengajaran Guru Pendidikan Islam

Dapatan kajian pada bahagian ini adalah mengukur kepimpinan pengajaran GPI berasaskan nilai-nilai murni di dua buah sekolah menengah di daerah Mualim Perak. Sejumlah dua puluh satu item dikemukakan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas mereka berkaitan kepimpinan pengajaran GPI dan juga penguasaan mata pelajaran pelajar pendidikan Islam. Maklum balas responden adalah dalam bentuk skala likert lima mata iaitu dari skala 1 untuk sangat tidak setuju dan seterusnya tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju pada skala 5. Jadual 2 menunjukkan peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai gaya kepimpinan pengajaran GPI dari maklum balas pelajar.

Jadual 2: Analisis Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Kepimpinan Pengajaran GPI

Bil	Item Kepimpinan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	S.P	Interpretasi
1	Guru saya mengaitkan aktiviti pembelajaran dengan merujuk ayat-ayat al-Quran dan hadis	1 (0.6%)	4 (2.3%)	15 (8.7%)	64 (37.2%)	88 (51.2%)	4.36	0.79	Tinggi
2	Saya sentiasa mematuhi semua arahan guru saya	0 (0%)	2 (1.2%)	23 (13.4%)	63 (36.6%)	84 (48.8%)	4.33	0.75	Tinggi
3	Guru dan pelajar sering berkomunikasi di dalam kelas	0 (0%)	0 (0%)	8 (4.7%)	56 (32.6%)	108 (62.8%)	4.58	0.58	Tinggi
4	Guru membenarkan saya dan rakan berkreativiti tanpa melanggar batasan agama	11 (6.4%)	10 (5.8%)	21 (12.2%)	48 (27.9%)	82 (47.7%)	4.05	1.19	Tinggi

5	Guru sering menyatakan ganjaran pahala lebih baik daripada ganjaran dunia	1 (0.6%)	3 (1.7%)	18 (10.5%)	39 (22.7%)	111 (64.5%)	4.49	0.80	Tinggi
6	Guru saya merupakan contoh yang terbaik yang perlu saya ikuti	0 (0%)	4 (2.3%)	12 (7.0%)	60 (34.9%)	96 (55.8%)	4.44	0.73	Tinggi
7	Guru saya sentiasa menjawab persoalan hukum dengan jelas	0 (0%)	2 (1.2%)	26 (15.1%)	59 (34.3%)	85 (49.4%)	4.32	0.77	Tinggi
8	Guru saya terlibat dalam setiap perbincangan topik pembelajaran	2 (1.2%)	1 (0.6%)	16 (9.3%)	67 (39.0%)	86 (50.0%)	4.36	0.77	Tinggi
9	Guru saya berfikiran terbuka semasa perbincangan	1 (0.6%)	2 (1.2%)	14 (8.1%)	60 (34.9%)	95 (55.2%)	4.43	0.74	Tinggi
10	Guru saya mengutamakan kerjasama bersama dalam sebarang aktiviti di dalam dan luar kelas	2 (1.2%)	2 (1.2%)	10 (5.8%)	67 (39.0%)	91 (52.9%)	4.41	0.76	Tinggi
Keseluruhan Kepimpinan Pengajaran GPI							4.38	0.51	Tinggi

Dapatan kajian pada jadual 2 berkaitan pendekatan nilai-nilai murni Kepimpinan Pengajaran GPI menunjukkan semua item berada pada tahap tinggi dengan julat min di antara 4.05 hingga 4.58. Item yang mempunyai nilai interpretasi min paling tinggi ialah pelajar dan guru sentiasa berkomunikasi di dalam kelas (min= 4.58, sp=0.58) berada pada tahap tinggi.

Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 108 orang (62.8%) responden menyatakan sangat setuju, seramai 56 orang (32.6%) responden menyatakan setuju dan hanya 8 orang (4.7%) menyatakan kurang setuju. Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah ialah kebenaran guru untuk pelajar berkreativiti dengan memelihara batasan agama (min=4.05, sp=1.19) berada pada tahap tinggi. Kekerapan dan peratusan dalam item ini menunjukkan 11 orang (6.4%) responden sangat tidak bersetuju, 10 orang tidak bersetuju (5.8%) dan 21 orang (12.2%) responden menyatakan kurang bersetuju. Hal ini menunjukkan terdapat sebilangan kecil responden tidak bersetuju dengan keterbukaan guru untuk pelajar berkreativiti di dalam kelas. Namun secara keseluruhannya dapatan menunjukkan nilai-nilai murni Kepimpinan Pengajaran GPI berada pada tahap interpretasi yang tinggi (min=4.38, s.p=0.51). Ini menunjukkan Kepimpinan Pengajaran GPI di sekolah yang dikaji telah berjaya mengaplikasikan nilai-nilai murni dalam pengajaran.

### Penguasaan Pelajar dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam

Kajian turut melihat penguasaan semasa pelajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Jadual 3 menunjukkan peratus, kekerapan, min dan

sisihan piaawai tahap penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam dari persepsi pelajar.

Jadual 3: Analisis Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam

Bil	Item Penguasaan	Sangat Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	S.P	Interpretasi
1	Saya lulus dalam mata pelajaran Pendidikan Islam	0 (0%)	3 (1.7%)	2 (1.2%)	29 (16.9%)	138 (80.2%)	4.76	0.56	Tinggi
2	Saya mahir membaca al-Quran dan membaca jawi	0 (0%)	5 (2.9%)	20 (11.6%)	65 (37.8%)	82 (47.7%)	4.30	0.79	Tinggi
3	Saya sentiasa bersungguh-sungguh ketika belajar	2 (1.2%)	1 (0.6%)	23 (13.4%)	77 (44.8%)	69 (40.1%)	4.22	0.79	Tinggi
4	Saya sentiasa fokus ketika waktu Pendidikan Islam	15 (8.7%)	34 (19.8%)	49 (28.5%)	31 (18.0%)	43 (25.0%)	3.31	1.28	Sederhana Tinggi
5	Saya memahami intisari ayat al-Quran yang saya baca	6 (3.5%)	9 (5.2%)	83 (48.3%)	45 (26.2%)	29 (16.9%)	3.48	0.95	Sederhana Tinggi
6	Saya mengamalkan perkara-perkara yang ditutut dalam hadis yang saya pelajari	3 (1.7%)	7 (4.1%)	43 (25.0%)	73 (42.4%)	46 (26.7%)	3.88	0.91	Sederhana Tinggi
7	Saya memahami semua rukun iman	0 (0%)	3 (1.7%)	17 (9.9%)	65 (37.8%)	87 (50.6%)	4.37	0.73	Tinggi
8	Saya mencontohi sikap Rasulullah SAW dalam kehidupan	0 (0%)	3 (1.7%)	50 (29.1%)	77 (44.8%)	42 (24.4%)	3.92	0.78	Sederhana Tinggi
9	Saya mengambil i'tibar daripada kisah para sahabat	0 (0%)	0 (0%)	27 (15.7%)	81 (47.1%)	64 (37.2%)	4.22	0.70	Tinggi
10	Saya melakukan solat dengan tertib	0 (0%)	4 (2.3%)	17 (9.9%)	75 (43.6%)	76 (44.2%)	4.30	0.74	Tinggi
11	Saya sentiasa menjaga batas pergaulan	0 (0%)	0 (0%)	25 (14.5%)	64 (37.2%)	83 (48.3%)	4.34	0.72	Tinggi
<b>Keseluruhan Penguasaan</b>							<b>4.10</b>	<b>0.47</b>	<b>Tinggi</b>

Hasil Analisis di dalam jadual 3 menunjukkan tujuh item berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan julat min di antara 4.22 hingga 4.37. Sementara empat lagi item berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan julat min di antara 3.31 hingga 3.92. Item yang mempunyai nilai interpretasi

min paling tinggi ialah lulus dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (min = 4.58, sp=0.58) berada pada tahap tinggi.

Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 138 orang (80.2%) responden menyatakan sangat setuju, seramai 29 orang (16.9%) responden menyatakan setuju, dua orang (1.2%) menyatakan kurang setuju dan hanya tiga orang (1.7%) responden tidak bersetuju. Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah ialah sentiasa memberikan fokus di dalam kelas Pendidikan Islam (min=3.31, sp=1.28) berada pada tahap sederhana tinggi. Kekerapan dan peratusan dalam item ini menunjukkan 15 orang (8.7%) responden sangat tidak bersetuju, 34 orang tidak bersetuju (19.8%), seramai 49 orang (28.5%) responden menyatakan kurang bersetuju dan hanya 74 orang (43%) responden yang setuju dan sangat setuju. Hal ini menunjukkan terdapat majoriti responden menyatakan mereka tidak fokus di dalam pembelajaran kelas pendidikan Islam. Walau bagaimanapun dapatan secara keseluruhannya menunjukkan tahap penguasaan responden dalam mata pelajaran Pendidikan Islam berada pada tahap interpretasi yang tinggi (min=4.10, s.p=0.47). Hal ini menunjukkan pelajar-pelajar di lokasi kajian telah mengusai asas-asas penting dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

#### Hubungan Nilai-Nilai Murni Kepimpinan Pengajaran GPI dan Penguasaan Pendidikan Islam

Ujian korelasi pearson telah dijalankan ke atas data yang diperoleh untuk menguji hubungan di antara boleh ubah kepimpinan pengajaran dan penguasaan Pendidikan Islam. Berdasarkan Jadual 4, dapatan kajian menunjukkan terdapat korelasi antara kepimpinan pengajaran GPI berdasarkan nilai murni dengan tahap penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan pada tahap sederhana di antara kepimpinan pengajaran GPI dengan tahap penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam di mana  $p < .01$  ( $p = .000$ ).

Jadual 4: Korelasi di antara Kepimpinan Pengajaran GPI dan Penguasaan Pendidikan Islam

	R	Sig. P
Kepimpinan GPI* Penguasaan Pendidikan Islam	0.553	0.00

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras  $p < 0.01$

## PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, kepimpinan pengajaran berasaskan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh GPI dalam menjalankan aktiviti pembelajaran secara keseluruhan berada pada tahap yang tinggi kerana mengamalkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam Islam. Antara nilai murni yang diamalkan GPI ialah berpegang kuat dengan ayat-ayat al-Quran dan hadis dalam amalan kepimpinan pengajaran mereka. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Zafar Saleem et al. (2016) bahawa sebuah kepimpinan hendaklah berasaskan kepada al-Quran, al-Sunnah dan konsep Syura'. Ini adalah kerana kepimpinan guru akan memberi kesan langsung kepada pembelajaran pelajar (Ahmad Sukari & Mohd Nizam 2014). Selain itu dapatan kajian turut menunjukkan nilai muamalah /komunikasi yang baik guru pelajar berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan GPI telah dapat berperanan dengan baik apabila mengamalkan muamalah atau komunikasi yang efektif dengan pelajar. Komunikasi dua hala dalam proses pembelajaran sangat penting. Ini bertepatan dengan pandangan Mohd Khairuddin et al. (2014) yang menyatakan komunikasi dua hala dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Antara perkara yang menyumbang kepada komunikasi yang baik di antara guru dan pelajar ialah mesej berkaitan dengan nilai ganjaran pahala akhirat telah dapat disampaikan dengan baik kepada pelajar. Hal ini dapat mengingatkan pelajar akan kehidupan akhirat yang abadi selepas kehidupan dunia sejajar dengan matlamat pendidikan Islam itu sendiri. Ia bertepatan dengan kenyataan Mahani (2016) bahawa kepimpinan dalam Islam mempunyai peranan bitara iaitu membimbing orang lain ke arah kebaikan di dunia dan akhirat. Begitu juga nilai qudwah hasanah atau contoh teladan yang baik, nilai musyawarah sentiasa bersifat terbuka dalam perbincangan, serta nilai musyarakah iaitu mengutamakan kerjasama dan kebersamaan telah membantu guru dalam mengujudkan komunikasi yang baik bersama pelajar. Hal ini ditegaskan oleh Noor Hidayah (2014) bahawa kepimpinan yang diamalkan oleh GPI hendaklah berlandaskan qudwah hasanah yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sebagai pemimpin yang berwibawa.

Bagi memastikan kepimpinan guru lebih menyerlah, nilai keterbukaan guru untuk pelajar mengembangkan daya kreativiti mereka selagi mana tidak melanggar batasan agama harus ditingkatkan oleh GPI. Ini adalah kerana dapatan kajian menunjukkan nilai keterbukaan GPI untuk pelajar berkreativiti berada pada tahap terendah berbanding nilai-nilai lain. Fitrah manusia ialah akal dan daya kognitifnya sentiasa berkembang. Syariat Islam didatangkan bagi memandu manusia ke arah fitrah yang luhur iaitu mentauhidkan Allah SWT (al-Quran, Surah Al-Rum; 30:30). Oleh itu pelajar perlu dipandu dengan syariat dalam berkreativiti kerana ianya

sebahagian daripada fitrah manusia. Akal yang digerakkan oleh aktiviti kreatif yang berpandu kepada syariat adalah fitrah yang diciptakan kepada manusia (Saroyono 2016)

Sementara itu, dapatan penguasaan mata pelajaran pendidikan Islam pula berada pada tahap tinggi. Peratusan pelajar yang lulus dalam mata pelajaran pendidikan Islam dalam kajian ini melebihi 80%. Menurut Hussein Mahmood (1993) keberkesanan sekolah dapat diukur melalui pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Antara ciri-ciri yang menunjukkan para pelajar melewati tahap minimum penguasaan ialah majoriti pelajar juga mahir membaca al-Quran dan membaca jawi, memahami rukun iman, mengambil i'tibar daripada kisah sahabat, melakukan solat dengan tertib serta menjaga batas pergaulan.

Namun, penguasaan pelajar tidak bermakna hanya dengan gred peperiksaan tetapi perlu selari dengan nilai dan akhlak Islamiyah. Ini bertepatan dengan pandangan Mohd Khairuddin et al. (2014) bahawa penilaian tidak terbatas kepada peperiksaan sahaja namun turut memasukkan pemerhatian terhadap tingkah laku dan adab pelajar. Berdasarkan dapatan kajian ini, majoriti pelajar berpandangan mereka tidak dapat memberi fokus di dalam kelas pendidikan Islam walaupun pada asasnya mereka lulus dalam penguasaan pendidikan Islam. Sikap ini perlu diperhalusi agar ilmu pendidikan Islam yang diterima pelajar bergerak seiring dengan nilai dan akhlak Islamiyyah.

Kajian seterusnya menunjukkan terdapat hubungan di antara kepimpinan pengajaran GPI dengan penguasaan Pendidikan Islam sebanyak 53% membuktikan semakin baik kepimpinan pengajaran diamalkan oleh GPI semakin tinggi tahap penguasaan pendidikan Islam pelajar. Hal ini menunjukkan kepimpinan pengajaran adalah di antara faktor penting menentukan penguasaan pelajar.

## KESIMPULAN

Kemajuan pelajar pendidikan Islam di sekolah banyak bergantung kepada nilai-nilai murni yang diterapkan oleh GPI. Ini adalah kerana GPI bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai ilmu malah memimpin pelajar dengan nilai-nilai yang murni yang telah dijelaskan dalam al-Quran dan Al-Sunah. Kepimpinan pengajaran GPI yang berasaskan nilai iman, nilai taat, nilai muamalah hasanah atau komunikasi yang baik, nilai jujur, nilai kreatif, musyawarah dan musyarakah diimplementasikan dalam qudwah hasanah iaitu contoh teladan yang baik. Pengaruh kepimpinan pengajaran GPI dapat menyumbang kepada penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan seterusnya diharapkan mencapai matlamat melahirkan insan yang seimbang. Oleh itu, GPI harus berusaha mentransformasikan kepimpinan

pengajaran berasaskan nilai-nilai murni Islam pada tahap yang optimum selaras dengan fungsi guru sebagai murabbi. Selain itu, para pentadbir sekolah perlu memberikan galakan dan rangsangan kepada guru-guru agar mengamalkan kepimpinan pengajaran yang cemerlang di dalam bilik darjah. Kepimpinan pengajaran berteraskan nilai-nilai murni yang baik ini boleh dijadikan model guru sebagai murabbi di dalam bidang Pendidikan Islam. Kesimpulannya semakin baik kepimpinan pengajaran guru berasaskan nilai murni Islam semakin besar peluang untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam seterusnya membentuk kemenjadian pelajar.

## RUJUKAN

- Syeikh Abdullah Basmieh (Penterjemah). 2013. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep al-mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2: 43-56.
- Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak. 2003. Pengajaran akhlak di sekolah menengah: Persepsi pelajar-pelajar. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3): Antara tradisi dan inovasi. Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Rafiki & Kalsom Abdul Wahab. 2014. Islamic values and principles in the organization: A review of literature. *Asian Social Science* 10 (9): 1-7.
- Ahmad Sukari Mohamad & Mohd Nizam Sahad. 2014. Teori kepimpinan guru dalam pendidikan berasaskan pemikiran al-Ghazali: Satu perbandingan dengan teori kepimpinan pendidikan barat. *Afkar* (Edisi Khas): 163-196.
- Bernama. 2016. Tanjong Malim kini dikenali daerah Muallim. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanjong-malim-kini-dikenali-daerah-muallim-89028>. Dicapai pada 1/12/2021.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur. McGraw Hill.
- Fathiah Saini. 2005. Kepimpinan pengajaran daripada perspektif Islam di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Kertas projek Sarjana. Universiti Malaya.
- Hussein Mahmood. 1993. *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ibnu Taimīyah. 1971. *Al-Siyāsah al-Syarī'at fī Iṣlah al-Ra'y wa al-Ra'yat*. Beirut: Dār al-Sha'ab.

- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razaleigh Muhamat@Kawangit, Marlon Pontino Guleng & Abur Hamdi Usman. 2019. Response of Muslim minority towards the implementation of Arabic language and Islamic value education program in public schools in the Philippines. *Humanities & Social Sciences Humanities & Social Sience Reviews* 7 (4): 572-579.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30 (3): 607-610.
- Mahani Abdullah. 2016. *Pemimpin Dan Kepimpinan Menurut Perspektif Islam*. Melaka: Jabatan Pendidikan, Maktab Perguruan Perempuan Melayu.
- Mohamed Sulaiman, Nur Arfifah Abdul Sabian & Abdul Kadir Othman. 2014. The understanding of Islamic management practices among Muslim managers in Malaysia. *Asian Social Science* 10 (1): 189-199.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji. 2014. Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah Dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan* 5 (1): 59-78.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kasim. 2017. Hubungan pelaksanaan komposisi pembelajaran yang mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. *Journal of Human Development and Communication* 6: 113-128.
- Nik Azis Nik Pa & Roshara'madan Mohd Hashim. 2015. Makna akhlak bagi seorang murid tahun lima. *The Online Journal of Islamic Education* 3 (1): 41-53.
- Nik Mutasim Nik Ab. Rahman, Mohamad Adnan Alias, Sharmin Shahid, Mohamad Abdul Hamid & Syed Shah Alam. 2013. Relationship between Islamic Human Resource Management (IHRM) practices and trust: An empirical study. *Journal of Industrial Engineering and Management* JIEM 6 (4): 1105-1123.
- Noor Hidayah Zainudin. 2014. Hubungan antara kepimpinan Islam dan komitmen kerja pensyarah: Kajian di Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nor Anisah Abu Hanipah & Razaleigh Muhamat. 2017. Teori kepimpinan dari perspektif Islam dan Barat dalam terma kepimpinan transformasi. *al-Hikmah* 9 (2): 141-153.

- Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri & Foo Say Fooi. 2015. Hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar. *International Journal of Education and Training* 1 (2): 1-11.
- Printy, S., & Liu, Y. 2020. Distributed leadership globally: The interactive nature of principal and teacher leadership in 32 countries. *Educational Administration Quarterly* 57 (2): 290-325.
- Qaradhwai, Y. 2003. *Islam dan Globalisasi Dunia*. (Terj.). Jakarta: Pustaka al-Kauthar.
- Rosnijah Arolah., & A'dawiyah, Ismail. 2019. Peranan guru pendidikan Islam membentuk akhlak pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *al-Hikmah* 11 (1): 74-87.
- Saharia Ismail. 2015. Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development* 8 (2): 83-99.
- Saroyono. 2016. Konsep fitrah dalam perspektif Islam. *Jurnal Studi Islam* 14 (2): 161-174.
- Siti Faizah Said. 2019. Hubungan pendekatan kolaboratif terhadap pencapaian program Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia. Tesis PhD. UPM.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. 2016. Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika* 86 (2): 31-42
- Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir,Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutualib, & Khairul Munzir Ibrahim. 2017. Prophetic based on education: A value added for social change. *Advanced Science Letters* 23 (11): 10855-10858.
- Young, M.D., Fuller, E., Brewer, C., Carpenter, B. & Mansfield, K.C. 2007. Quality leadership matters. *Policy Brief Series* 1 (1): 1-8.
- Zafar Saleem, Muhammad Tahir, Malik Sajid, Rahman Khattak. 2016. Principles of effective management according to Quran and Sunah *al-Idah* 33 (2): 102-110.

**Penulis:**

Dr. Mohamad Marzuqi Abdul Rahim  
\*Pengarang Koresponden  
Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Emel: marzuqi@fsk.upsi.edu.my

Dr. Abd Hadi Borham  
Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Emel: abdhadi.borham@fsk.upsi.edu.my

Ummu Maisaroh Budiyono  
Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Emel: ummumaisaroh@gmail.com